



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 3/1994**

**Kedudukan Syarat Kegunaan Tanah Bagi Tanah Desa Yang  
Dipegang Di Bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran Dan  
Yang Tertakluk Kepada Syarat Dalam Seksyen 53(2)  
Kanun Tanah Negara Apabila Tanah Itu Menjadi  
Tanah Pekan atau Tanah Bandar**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 3/1994**

**Kedudukan Syarat Kegunaan Tanah Bagi Tanah Desa Yang Dipegang  
Di Bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran Dan Yang Tertakluk Kepada  
Syarat Dalam Seksyen 53(2) Kanun Tanah Negara Apabila Tanah Itu  
Menjadi Tanah Pekan atau Tanah Bandar**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai kedudukan syarat kegunaan bagi tanah desa yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan yang tertakluk kepada syarat dalam seksyen 53(2) Kanun Tanah Negara (KTN) apabila tanah itu menjadi tanah pekan atau tanah bandar.

2. Seksyen 11(ca) dan (d) KTN membolehkan tanah desa dimasukkan ke dalam kawasan tanah pekan atau kawasan tanah bandar melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Pemberitahuan ini mungkin melibatkan tanah desa yang tidak mempunyai syarat kegunaan tanah tetapi perlu digunakan untuk pertanian sahaja menurut seksyen 53(2) KTN.

3. Tanah desa yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan tertakluk kepada syarat dalam seksyen 53(2) KTN tidak boleh dianggap sebagai tanah pekan atau tanah bandar yang tertakluk kepada seksyen 53(3) KTN yang boleh digunakan untuk bangunan apabila tanah desa itu menjadi tanah pekan atau tanah bandar. Ini adalah kerana seksyen 53 KTN adalah terpakai kepada tanah yang diberimilik atau diluluskan pemberimilikan dan yang terdiri dari tanah desa, tanah pekan atau tanah bandar sebelum 1 Januari 1966, iaitu, tarikh KTN mula berkuatkuasa.

4. Oleh itu, Pentadbir-pentadbir Tanah adalah dinasihatkan agar **tidak** menganggap tanah desa yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan tertakluk kepada syarat dalam seksyen 53(2) KTN yang telah dijadikan tanah pekan atau tanah bandar sebagai tanah di bawah seksyen 53(3) KTN. Tanah itu akan terus tertakluk kepada seksyen 53(2) KTN dan ianya perlu digunakan untuk pertanian sahaja. Apabila cukai tanah tersebut disemak di bawah seksyen 101 KTN, ianya akan tertakluk kepada kadar cukai untuk tanah pekan atau tanah bandar untuk kegunaan pertanian.

5. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara.

**DR. NIK MOHD. ZAIN BIN HAJI NIK YUSOF,**  
**Ketua Pengarah Tanah dan Galian**

Fail: KTPK/101/KPU/799 Jld. 2 (28)  
Tarikh: 4hb. Ogos, 1994